

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 06 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 31

Demam denggi di Terengganu meningkat

KUALA TERENGGANU - Kebanyakan daerah di Terengganu mencatat peningkatan kes demam denggi.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Mohd Jusoh berkata, sebanyak 513 kes demam denggi direkodkan setakat 2 November lepas iaitu peningkatan 25.7 peratus (113 kes) berbanding hanya 408 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Daripada 513 kes itu, Kuala Terengganu merekodkan kes tertinggi iaitu 220 kes diikuti Marang (73 kes), Kuala Nerus (55 kes),



DR MOHD JUSOH

Dungun (53 kes), Kemaman (40 kes), Hulu Terengganu (32 kes), Besut (26 kes) dan Setiu (14 kes).

"Semua daerah menunjukkan peningkatan kes

pada tahun ini kecuali daerah Besut yang menunjukkan penurunan kes iaitu hanya 26 berbanding 118 kes pada tempoh sama tahun lepas.

"Sehingga 2 November lalu, terdapat tiga kes kematian iaitu dua kes di Kemaman dan satu di Hulu Terengganu. Sepanjang tempoh itu juga, sebanyak 13 episod wabak denggi telah berlaku di Terengganu iaitu lima di Kuala Terengganu, Marang (empat), Kuala Nerus (tiga) dan satu di Dungun," katanya. - *Bernama*